

PIAGAM PELANGGAN **PASCASISWAZAH**

1. Mengeluarkan keputusan **permohonan kemasukan** selewat-lewatnya dua (2) bulan selepas permohonan lengkap diterima oleh Sekolah Pengajian Siswazah.
2. Memaklumkan keputusan **permohonan pelantikan ahli Jawatankuasa Penyeliaan** selewat-lewatnya dua (2) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
3. Memaklumkan **keputusan permohonan penangguhan pengajian** dalam tempoh 21 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.
4. Memaklumkan **keputusan permohonan pelanjutan tempoh pengajian** dalam tempoh 21 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.
5. Memaklumkan keputusan permohonan pertukaran program / bidang pengajian dalam tempoh tiga (3) bulan selepas permohonan lengkap diterima.
6. Memaklumkan keputusan permohonan naik taraf pengajian ke program PhD selewat-lewatnya dua (2) bulan selepas permohonan lengkap diterima daripada PTJ.
7. Memaklumkan **keputusan permohonan bantuan siswazah (GRF/GRA/IGSS/PASS/BKW)** selewat-lewatnya dua (2) bulan selepas tarikh tutup permohonan.
8. Memaklumkan keputusan **peperiksaan semester** kepada pelajar dalam tempoh enam (6) minggu selepas hari terakhir minggu peperiksaan.
9. Memastikan pelajar **menduduki viva voce** dalam tempoh empat (4) bulan selepas penyerahan tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah untuk peperiksaan.
10. Memaklumkan keputusan **permohonan semakan pemberhentian** dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tutup semakan pemberhentian.
11. Memaklumkan keputusan **pengurniaan ijazah** kepada pelajar melalui portal pelajar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas pengesahan Senat.
12. Memaklumkan keputusan **permohonan bantuan siswazah SGRA** selewat-lewatnya sepuluh hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima dan telah mendapat sokongan daripada PTJ.